

HARI : KHAMIS  
TARIKH : 16/1/2020  
M/SURAT : 10

## Perluas Food Bank ke setiap negeri

Sedih mendengar berita mengenai individu daif tular di pelbagai platform media. Ada dilapor menahan lapar berhari-hari kerana tiada wang untuk membeli makan. Ramai simpati, namun tidak kurang memberi komen sinis termasuk menuduh masyarakat tidak prihatin.

Realitinya ramai ingin membantu, namun mungkin tidak menemui platform sesuai untuk itu. Kewujudan kelompok yang cuba menangguk di air keruh juga menyebabkan masyarakat berhati-hati, sehingga niat menderma atau bersedekah terbantut.

Kita percaya inisiatif seperti Food Bank Malaysia mampu menyediakan penyelesaian, malah lebih meyakinkan masyarakat kerana disokong kerajaan. Namun, ia perlu diperluas ke lebih banyak lokasi mungkin ke setiap negeri sekurang-kurangnya di bandar besar. Sasarnanya bukan setakat B40, tetapi semua kelompok termasuk miskin bandar yang mungkin tiba-tiba terdesak kewangan akibat faktor kecemasan.

Kita percaya jika pelbagai pihak bersatu menyediakan banyak kemudahan sebegini, orang ramai akan lebih mudah menghulurkan sumbangan secara selamat. Harapnya selepas ini tiada lagi kedengaran cerita ada yang tidak makan sampai berhari-hari kerana tiada duit.